

Mahasiswa UMP kongsi kemeriahan merdeka bersama kanak-kanak Tadika Tunas Pintar

KUANTAN - Ibarat abang dan adik, sembilan mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) menggunakan kesempatan menyiapkan tugas subjek Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) Semester Satu memilih menjalankan khidmat sosial sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke 51 bersama 30 kanak-kanak Tadika Tunas Pintar.

Penyelaras program, Mohd Sobri Ibrahim, 19, berkata, keputusan mendekati kanak-kanak di tadika adalah kerana sesuai dengan masa iaitu sempena kemerdekaan.

Menurutnya, kumpulan mereka memilih kanak-kanak cilik itu kerana banyak aktiviti yang boleh dijalankan bersama dan mereka seronok dapat berkongsi pengalaman

bersama mereka.

"Pihak pengurusan tadika itu juga keberatan menerima kehadiran kami bagi menjalankan tugas di sini. Justeru, sebagai mahasiswa, kami bukan sahaja berpeluang untuk menimba pengalaman melayani kanak-kanak tetapi juga dapat berkongsi cerita mengenai kemerdekaan dengan mereka.

"Walaupun hanya seketika, namun mereka begitu teruja dengan kehadiran kami di samping pelbagai aktiviti berjaya dijalankan," katanya.

Sobri berkata, mereka merasa gembira kerana dapat mendekati kanak-kanak tersebut secara tidak langsung berupaya mencetuskan semangat patriotisme di kalangan

Generasi cilik itu.

"Sebagai seorang mahasiswa, kami mahu dilihat sebagai 'role model' kepada kanak-kanak tersebut dan menjadi motivasi untuk mereka terus berjaya.

"Aktiviti yang disusun sepanjang program setengah hari itu banyak memberitahu kami bahawa kanak-kanak terbabit mempunyai pengetahuan mengenai kemerdekaan dan begitu bersemangat menyanyikan serta mengibarkan bendera. Lebih menarik apabila, terdapat tiga kanak-kanak meraikan ulang tahun pada 31 Ogos," jelas mahasiswa kejuruteraan sivil itu.

Turut diadakan aktiviti mural bertemakan kemerdekaan, sukane-ka dan majlis sambutan hari jadi.



Mahasiswa UMP gembira dapat menyambut Hari Kemerdekaan ke-51 bersama kanak-kanak Tadika Tunas Pintar.